



Laman web umno.jb - satu lagi pola dalam politik Johor



logo laman web umnojb.com

Kalau dilihat dari pelbagai sudut politik negeri Johor, tidak banyak maklumat-maklumat atau laman-laman web yang pro-umno Johor terutama didalam membantu menangkis dakyah-dakyah pembangkang. Mungkin juga kebanyakan dari ahli-ahli UMNO Johor terutama PEMUDANYA yang seringkali tertidur atau orang Johor mendapati mereka telah selesai dengan jolokan "kubu kuat UMNO".

Namun begitu, terdapat kemunculan beberapa laman web yang dapat mengimbangi keadaan politik Johor melalui kededaran beberapa pemimpin Johor sendiri. Tidak dinafikan laman-laman web ini seperti www.umnojb.com dan www.puterijohor.com mampu mengujudkan satu pola politik bari di negeri Johor ini.

Dalam ertikata sebenar, laman-laman web umnojb dan puterijohor ini setidak-tidaknya mampu menjana pemikiran yang sihat dan penyaluran maklumat yang tepat dan berterusan mampu mengikis sikap negatif sebilangan rakyat Johor yang hanya pandai bercakap mengenai perjuangan tetapi apa yang mampu mereka lakukan?

Dari kacamata penulis, laman-laman web ini mampu bersaing di arena internet setanding dengan laman web harakahdaily.net mahupun laman-laman pembangkang yang lain. Tetapi malangnya, di negeri Johor tidak ada satupun laman web pembangkang yang dapat bersaing dengan kemunculan laman-laman web ini.

Walaupun senarionya, kemunculan laman-laman web pembangkang perlu muncul di Johor bukan untuk bertanding tetapi bagi "check and balance" pembangunan sosial di Johor. Atau setidak-tidaknya ada pertandingan yang sihat dan ahli-ahli UMNO Johor tidak hanya sekadar makan dan tidur sahaja.

Malangnya sehingga kini, laman-laman web pembangkang mati sebelum berkembang